

**MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA PROGRAM BANDAR SELAMAT  
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG  
BIL.1/2016**

---

**Tarikh** : 15 Mac 2016 (Selasa)

**Masa** : 9.30 pagi

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Semarak,  
Majlis Perbandaran Sepang  
Cyberjaya

**KEHADIRAN**

1. Dato' Puasa bin Md Taib - Pengerusi  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Sepang;
2. Encik Tong Jeng Harnng  
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /  
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Sepang Putra;
3. Encik Titus Gladwyn a/l Gomez  
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /  
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon BBST Selatan;
4. Encik Mohd. Shafinye bin Mohd. Nasoha  
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /  
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Sri Dengkil;
5. Puan Rohaya binti Datuk Mohd. Shahir  
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /  
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon BBST Utara;
6. Encik Kong Tuck Wah  
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /  
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Desa Putra;
7. Puan Rozeta binti Md. Yusuf  
Pengarah,  
Jabatan Perancangan Bandar;
8. Encik Ismail bin Ahmad  
Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor;
9. Encik Zulkifli bin Ibrahim  
Jabatan Imigresen Negeri Selangor;

10. Encik Mohd. Rezal bin Awang  
Pejabat Tanah dan Daerah Sepang;
11. Puan Rosmila binti Adnan  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor;
12. Inspektor Aziz Samsudin bin Rungut  
Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang;
13. Puan Junaidah binti Harun  
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sepang;
14. Puan Sheela a/p Sureshkee  
Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Daerah Sepang;
15. Encik Mohd Rusydan bin Abdullah  
Jabatan Belia & Sukan Daerah Sepang
16. Puan Rosmi binti Razaili  
Pejabat Kesihatan Daerah Sepang;
17. Encik Zulfikri bin Abu Samian  
Jabatan Pelajaran Daerah Sepang
18. Encik Farid bin Bujang  
Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Sepang;
19. Puan Noor Amirah binti Abdul Razak  
Pejabat Pembangunan Negeri Selangor;
20. Encik Zaifullah bin Jaafar Shidek,  
Pejabat Agama Islam Daerah Sepang;
21. Encik Mohamad Fakhri bin Mansor  
Jabatan Keselamatan Jalan Raya Negeri Selangor;

#### **TURUT HADIR**

22. Encik Mohd Fahmy bin Tumut,  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta,  
Majlis Perbandaran Sepang
23. Encik Sulaiman Abi Hashim,  
Pengarah, Jabatan Bangunan,  
Majlis Perbandaran Sepang
24. Encik Mohd Hairil Ridza bin Hashim,  
Jabatan Kejuruteraan,  
Majlis Perbandaran Sepang

25. Puan Ruhaila binti Abdul Rahman,  
Pengarah, Jabatan Landskap,  
Majlis Perbandaran Sepang
26. Encik Hairol Azman  
Jabatan Penguatkuasaan,  
Majlis Perbandaran Sepang
27. Encik Mohamad Firdaus,  
Unit Tender Dan Kontrak,  
Majlis Perbandaran Sepang
28. Encik Firdaus bin Mohamad Marji,  
Penolong Pengarah,  
Jabatan Pembangunan Masyarakat,  
Majlis Perbandaran Sepang;
29. Puan Siti Noraini binti Pasmien,  
Jabatan Korporat dan Perhubungan Awam,  
Majlis Perbandaran Sepang;
30. Encik Abu Zaa bin Kama,  
Jabatan Perbendaharaan,  
Majlis Perbandaran Sepang;

#### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

1. Jurutera Daerah,  
Jabatan Kerja Raya Daerah Sepang;
2. Puan Rosziana Binti Basin,  
Ketua Unit Teknologi Maklumat,  
Majlis Perbandaran Sepang;
3. Tuan Hj. Mohd Nor Amiruddin bin Ab. Karim,  
Ketua Unit Perundangan,  
Majlis Perbandaran Sepang;

#### **URUSETIA**

1. Encik Mohd Adham bin Mahmood  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar,  
Majlis Perbandaran Sepang;
2. Cik Nur Farhana binti Mohd Nor  
Jabatan Perancangan Bandar
3. Puan Nurul Huda binti Zainal Abidin  
Jabatan Perancangan Bandar

-(Pencatat Minit)

## 1.0 UCAPAN ALU-ALUAN DATO' Pengerusi

YBhg Dato' pengerusi mengucapkan selamat sejahtera dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Susulan penstrukturan keanggotaan Jawatankuasa Kecil diperingkat MPSepang bagi sesi 2016/2017, Dato' Pengerusi mengalu-alukan kehadiran dan penyertaan Ahli Majlis yang baru dalam Jawatankuasa Program Bandar Selamat, MPSepang. Ahli Majlis yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

- i) Puan Rohaya binti Datuk Mohd Shahir
- ii) Encik Tong Jeng Harn
- iii) Encik Titus Gladwyn A/L S.G. Gomez
- iv) Encik Mohd Shafinye bin Mohd Nasoha
- v) Encik Kong Tuck Wah

Dato' Pengerusi menegaskan bahawa isu-isu keselamatan perlu ditangani secara bijaksana rentetan keadaan ekonomi yang agak kurang memberansangkan dan langkah-langkah pencegahan adalah perlu dilaksanakan mengikut keutamaan.

Dato' Pengerusi juga memohon kerjasama semua pihak khususnya agensi-agensi yang terlibat di dalam Jawatankuasa Program Bandar Selamat berperanan mengikut fungsi jabatan masing-masing ke arah mewujudkan bandar yang selamat.

## 2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL.3/2015

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat Bil.3/2015 disahkan tanpa pindaan.

## 3.0 PERKARA BERBANGKIT

### 3.1 Cadangan Perlaksanaan 'Bike Share' Di Cyberjaya Oleh Syarikat Public Bike Share Sdn. Bhd.

Mesyuarat telah mengambil maklum mengenai perincian cadangan akan dikemukakan setelah pihak syarikat selesai menyediakan ROI dan CBA sebagaimana yang dipohon oleh Majlis.

### 3.2 Cadangan Perlaksanaan "Electric Vehicle (Ev) Car Sharing Programme" Di Kawasan Pentabiran Majlis Perbandaran Sepang Oleh COMOS @ CMS Consortium Ecotour Sdn Bhd

Mesyuarat memutuskan untuk mempertimbangkan pengecualian sewaan kepada syarikat CMS Ecotour Sdn Bhd (COMOS) ini untuk tempoh enam (6) bulan sahaja. Pengecualian ini adalah sokongan daripada pihak Majlis bagi galakan terhadap penggunaan kenderaan elektik dibawah program teknologi hijau. Disamping itu juga, pihak Majlis juga terikat dengan perjanjian atau kontrak dengan pihak syarikat Suasa Efektif Sdn Bhd.

#### 4.0 PERKARA YANG DI BINCANGKAN

##### 4.1 Kertas Kerja 1 : Cadangan Program Mini Karnival Mampan & 'Policing Community' Peringkat Daerah Sepang Bersama Pihak Polis Diraja Malaysia Di Stadium Bandar Baru Salak Tinggi

- i. Mesyuarat telah mengambil maklum mengenai cadangan Program Mini Karnival Mampan & 'Policing Community' Peringkat Daerah Sepang bersama Pihak Polis Diraja Malaysia yang akan diadakan pada 28 Mei 2016.
- ii. Dianggarkan seramai 300 hingga 500 jemputan akan menyertai mini karnival ini yang melibatkan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan-badan kerajaan dan swasta serta penduduk sekitar.
- iii. Tujuan karnival ini diadakan adalah untuk memberikan kesedaran awam mengenai kepentingan gaya hidup sihat dan dalam masa yang sama peka terhadap keselamatan dan persekitaran semasa.

##### Keputusan

- a) Bersetuju secara dasar untuk mengadakan 'Mini Karnival Pembangunan Mampan dan 'Policing Community' peringkat Daerah Sepang pada 28hb Mei 2016 (Sabtu) di Stadium BBST ;
- b) Bersetuju dengan cadangan peruntukan bagi membiayai Mini Karnival dan pameran menggunakan peruntukan Bandar Selamat / LA21 MPSepang ;

**Tindakan :**  
Jabatan Perancangan Bandar  
IPD Sepang

##### 4.2 Kertas Kerja 2 : Cadangan Pengasingan Laluan Pejalan Kaki Dan Laluan Basikal Daripada Kenderaan Bermotor Di Bawah Program Bandar Selamat Di Bandar Baru Salak Tinggi.

- i. Mesyuarat telah mengambil maklum mengenai cadangan pengasingan laluan pejalan kaki dan laluan basikal daripada kenderaan bermotor di Bandar Baru Salak Tinggi.
- ii. Bagi cadangan projek ini dicadangkan laluan pejalan kaki dan laluan basikal ini perlu mempunyai kelebaran sekurang-kurangnya 2.5 meter iaitu mengambilkira laluan untuk kemudahan pejalan kaki 1 meter dan laluan basikal 1.5 meter.

- iii. Pengasingan laluan pejalan kaki daripada kenderaan bermotor merupakan salah satu langkah yang terdapat di dalam Program Bandar Selamat. Walaubagaimanapun, penyediaan laluan basikal ini merupakan salah satu langkah inisiatif kejuranan hijau khususnya untuk menggalakkan lagi gaya hidup sihat melalui amalan berbasikal.

### **Keputusan**

- a. Penyediaan dan pengasingan laluan pejalan kaki dan laluan basikal daripada kenderaan bermotor di bawah Program Bandar Selamat disediakan di Bandar Baru Salak Tinggi dengan laluan bermula daripada Mahkamah Syariah, Stadium BBST, Taman Ixora, Masjid hingga ke CBD / Medan 88 ;
- b. Cadangan pelaksanaan projek ini akan menggunakan peruntukkan caj pemajuan.
- c. Rekabentuk dan spesifikasi kerja akan disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar.
- d. Kos penyediaan dan membina laluan pejalan kaki dan laluan basikal ini akan disediakan oleh Unit Perolehan setelah spesifikasi dan rekabentuk laluan pejalan kaki dan laluan basikal ini disediakan.

#### **Tindakan :**

Jabatan Perancangan Bandar  
IPD Sepang

#### **4.3 Makluman 1 : Statistik Jenayah Kekerasan/Jalanan dan Jenayah Harta Benda Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang Bagi Tahun 2015 oleh : PDRM / Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD Sepang)**

- i. Mesyuarat telah mengambil maklum mengenai jumlah statistik jenayah jalanan dan jenayah harta benda di dalam kawasan Pentadbiran Daerah Sepang sehingga Mac 2016.
- ii. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa kadar jenayah jalanan dan harta benda yang paling tinggi adalah kes kecurian motosikal. Selain daripada itu keperluan kepada pencahayaan atau pemasangan lampu led serta papan tanda peringatan jenayah.
- iii. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa pihak PDRM tidak mempunyai maklumat atau statistik berkaitan dengan mesin judi. Pihak Jabatan Penguatkuasa akan memaklumkan jumlah mesin judi pada mesyuarat akan datang.

#### **Tindakan :**

Jabatan Perancangan Bandar  
IPD Sepang

## **Keputusan**

Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan langkah-langkah pencegahan dengan bantuan pihak Majlis khususnya penyediaan TLK motosikal berkunci, papan tanda peringatan jenayah, pencahayaan dan lain-lain yang sesuai.

**Tindakan :**

Jabatan Perancangan Bandar  
IPD Sepang

### **4.4 Makluman 2 : Statistik Kemasukan Warga Asing Ke Kawasan Daerah Sepang Dan Kesalahan Yang Dilakukan Samaada Tinggal Melebihi Tempoh Masa Atau Salah Guna Visa Pelajar Oleh Jabatan Imigresen Negeri Selangor.**

- i. Mesyuarat telah mengambil maklum mengenai jumlah operasi yang telah dilaksanakan di Negeri Selangor sehingga Februari 2016 adalah 68 operasi. Walaubagaimanapun, di Daerah Sepang masih belum dilaksanakan.

## **Keputusan**

Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan operasi bersepadu bersama Jabatan Imegresen di Daerah Sepang. Operasi bersepadu ini akan menasarkkan kawasan Cyberjaya dan Desa Pinggiran Putra khususnya di Kampung Limau Manis. Ini susulan berlakunya kemasukan warga asing menggunakan visa pelajar dan telah tamat tempoh serta berlakunya kejadian kemalangan yang tinggi dan sebagainya.

**Tindakan :**

Jabatan Penguatkuasaan  
IPD Sepang

## **5.0 HAL-HAL LAIN**

### **5.1 Ketiadaan Tempat Letak Kenderaan Berat di Kawasan Taman Perumahan**

Terdapat bas kilang yang diletakkan di Taman Dengkil Jaya dan menyebabkan rasa tidak puas hati dikalangan penduduk taman. Dato' Pengerusi meminta supaya Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta supaya mengenalpasti tanah-tanah Kerajaan untuk dimohon TOL dan seterusnya dijadikan depoh atau tempat letak kenderaan berat.

**Tindakan :**

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta,  
Jabatan Penguatkuasaan

## **6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT**

Mesyuarat ditangguh pada jam 11.15 pagi.